

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Lukisan Geometri & Automatif 8828/1 ini mengandungi dua bahagian. Calon dikehendaki menjawab semua soalan pada bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi enam soalan yang berkaitan dengan geometri dan satah manakala bahagian B mengandungi satu soalan keratan dan dua soalan berkaitan dengan bidang automotif. Markah yang diperuntukkan bagi bahagian A ialah 40 markah manakala bahagian B diberi 60 markah. Masa yang diperuntukkan untuk kedua bahagian ialah tiga jam.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon tahun 2003 pada keseluruhannya merosot jika dibandingkan dengan prestasi calon tahun 2002. Bilangan calon yang memperolehi markah tertinggi berkurangan berbanding tahun sebelum ini. Ramai calon hanya mempunyai pengetahuan dan keterampilan untuk menjawab tajuk tertentu sahaja. Sejumlah calon yang besar tidak dapat menguasai kaedah melukis tangen, pelan tambahan dan garisan persilangan. Soalan keratan banyak membantu calon memperolehi markah manakala dua soalan yang berkaitan dengan bidang automotif tidak memberi manfaat kepada calon kerana kurang memahami serta kurang pengetahuan untuk menjawabnya.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tertinggi**

Calon kumpulan ini mempunyai pengetahuan dan keterampilan dalam lukisan geometri dan automotif yang serba lengkap. Dapat memahami kehendak soalan dan berkemahiran serta dapat mengaplikasikan kaedah melukis bagi menjawab soalan dengan serba lengkap dan sempurna

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Calon kumpulan ini dapat mempamerkan jawapan yang agak baik. Calon mempunyai kemahiran melukis dan menjawab soalan tertentu dengan baik. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan 5, 6, 8 dan 9 dengan lengkap. Hanya sebahagian calon dapat mengemukakan kaedah yang betul.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon kumpulan ini boleh menjawab soalan dengan memuaskan. Beberapa bahagian daripada jawapan tidak menepati pemarkahan dan tugas. Lukisan calon tidak jelas dan tepat, hanya soalan 3 dan 4 sahaja mengikut kaedah jawapan yang betul.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon kumpulan ini boleh dikatakan agak lemah dari semua segi dalam lukisan geometri dan automotif. Calon kurang memahami kehendak soalan serta kurang keterampilan dan pengetahuan untuk menjawab soalan

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1

Soalan memerlukan calon membina sudut 75 darjah pada titik A dan membina satu bulatan menyentuh sempadan sudut dan bertangen pada titik P. Hampir keseluruhan calon cuba menjawab soalan ini, tetapi hanya sebahagian kecil calon sahaja yang dapat menjawab dengan tepat. Ramai calon dapat membina sudut 75 sahaja. Kebanyakan calon tidak dapat membina bulatan menyentuh sempadan sudut dan titik tangen P.

Soalan 2

Soalan ini memerlukan calon melukis bentuk sebenar segitiga ABC. Terdapat calon yang tidak menjawab soalan ini. Ramai calon yang menjawab soalan ini jua tidak memahami kehendak soalan dan tidak tahu kaedah melukis. Hanya segelintir calon sahaja yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat.

Soalan 3

Soalan ini memerlukan calon melukis semula plat pencontoh yang diberi. Kaedah untuk mendapatkan tangen A, B, C, D, E dan F perlu ditunjukkan dengan jelas. Hanya segelintir calon tidak menjawab soalan ini. Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan memuaskan tetapi terlalu lemah bagi menentukan titik tangen ABCD dan tidak memahami kaedah membina tangen EF. Sebilangan kecil sahaja calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Ramai calon dapat membina bulatan J25 dan J40.

Soalan 4

Soalan ini memerlukan calon melukis dari pandangan ortografik unjuran sudut ketiga sebuah objek kepada pandangan isometri. Sebilangan besar calon menjawab soalan ini dapat menjawab dengan memuaskan. Agak ramai calon yang dapat mengemukakan jawapan yang tepat. Sebilangan calon tidak dapat membina lengkung isometri dengan tepat dan tidak dapat membina bahagian sendeng dengan tepat.

Soalan 5

Soalan ini memerlukan calon melukiskan pelan tambahan sebuah objek yang terpenggal. Sebilangan kecil calon tidak menjawab soalan ini. Walaupun hampir kesemua calon cuba menjawab soalan ini tetapi prestasi yang dipamerkan terlalu lemah. Hanya segelintir calon sahaja yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Ramai calon hanya dapat mengunjurkan garisan unjuran ke satah XY sahaja. Ramai calon tidak memahami kaedah memindahkan ukuran bagi membentuk pelan tambahan.

Soalan 6

Soalan ini memerlukan calon melengkapkan pelan dan pelan tegak hadapan bagi sebuah objek yang dilukis dalam unjuran sudut ketiga. Sejumlah kecil calon tidak menjawab soalan ini. Walaupun ramai calon cuba menjawab soalan ini tetapi prestasi yang dipamerkan terlalu lemah. Ramai calon tidak memahami kehendak soalan dan tidak tahu kaedah melukisnya. Hanya sebilangan calon yang kecil sahaja dapat menjawab dengan tepat.

Kebanyakan calon :

- Tidak dapat tentukan titik persilangan antara prisma dengan silinder.
- Tidak dapat mentafsir bentuk objek yang bersilang dengan jelas.
- Imajinasi calon adalah lemah
- Tidak faham konsep unjuran.

Soalan 7

Soalan ini memerlukan calon melukis pandangan keratan dan pelantegak sisi dalam unjuran sudut pertama. Sebilangan calon menjawab soalan ini. Kebanyakan calon memahami kehendak soalan dan dapat menjawab dengan memuaskan. Hampir semua calon tidak tahu melorek keratan bering. Pelantegak sisi yang dilukis oleh calon jua kurang memuaskan.

Soalan 8

Soalan ini memerlukan calon melakar pencabut bebola yang dilukis dalam unjuran ortografik kepada pandangan isometrik. Sebilangan besar calon tidak menjawab soalan ini. Hanya segelintir calon sahaja yang dapat melakar dengan tepat dan sempurna. Jawapan yang dipamerkan oleh calon lain agak lemah dan kurang memuaskan.

Soalan 9

Soalan ini memerlukan calon melukis litar lampu dengan menggunakan simbol elektrik. kebanyakan calon tidak menjawab soalan ini. Hanya sebilangan kecil calon sahaja yang dapat melukis litar dan simbol dengan tepat. Calon yang lain tidak mempunyai pengetahuan yang cukup sehingga jawapan yang dikemukakan agak lemah dan kurang memuaskan. Calon boleh melukis simbol tetapi tidak dapat melintarkan dengan betul.

SARANAN KEPADA CALON

1. Mempelbagaikan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran.
2. Menggunakan pelbagai bahan rangsangan yang menarik dan berkualiti.
3. Banyakkan latihan melukis untuk memantapkan konsep atau kaedah yang telah diajar.
4. Mengadakan kelas tambahan untuk tajuk yang sukar difaham.
5. Panitia lukisan teknik sekolah perlu memainkan peranan positif untuk memberipendedahan kepada guru.
6. Perlu memahami kaedah pemarkahan dan kaedah menjawab soalan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mempelbagaikan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran.
2. Menggunakan pelbagai bahan rangsangan yang menarik dan berkualiti.

3. Banyak latihan melukis untuk memantapkan konsep atau kaedah yang telah diajar.
4. Mengadakan kelas tambahan untuk tajuk yang sukar difaham.
5. Panitia lukisan teknik sekolah perlu memainkan peranan positif untuk memberi pendedahan kepada guru.
6. Perlu memahami kaedah pemarkahan dan kaedah menjawab soalan.